KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

LAPORAN TAHUNAN 2019

WARNA-WARNI TVET PKT

50 JUBLI EMAS
POLITEKNIK MALAYSIA
1969 - 2019



LAPORAN TAHUNAN 2019

WARNA-WARNI TVET PKT

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

adalah penyedia pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional

TVET

secara sepenuh masa dan pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan kepada individu pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur bertujuan untuk menyediakannya ke arah alam pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara




Tel : 09-6204100
Faks : 09-6204102
Laman Web : www.pkt.edu.my
E-mail : info@pkt.edu.my
ENGGANU

SENARAI KANDUNGAN

PRAKATA | 08-11
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

- Kata Aluan Pengarah | 08
- Kata Aluan Pengerusi | 10

MAKLUMAT | 12-23
KORPORAT

- Pengenalan & Latar Belakang PKT | 14 - 15
- Misi dan Visi PKT | 16
- Dasar dan Objektif Kualiti PKT | 17
- Piagam Pelanggan PKT | 18
- Carta Organisasi PKT | 18 - 19
- 10 Lonjakan PPPM-PT | 20 - 21
- Prestasi : KPI PolyPMO 2019 | 22 – 23

PENTADBIRAN | 24-59
& STAF

- Unit Pentadbiran | 26 - 29
- Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan | 30 - 36
- Unit Perhubungan Awam | 38 - 43
- Unit Pembangunan & Senggaraan | 44 - 45
- Unit Kewangan | 46 - 49
- Unit Inspektorat Dalaman | 50 - 52
- War Room | 54 - 59

JABATAN & UNIT | 60-105
AKADEMIK

- Jabatan Kejuruteraan Elektrik | 62 - 74
- Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi | 76 - 81
- Jabatan Matematik Sains & Komputer | 82 - 85
- Jabatan Pengajian Am | 86 - 89
- Unit Kecemerlangan Akademik | 90 - 95
- Unit Perhubungan & Latihan Industri | 96 - 99
- Unit Peperiksaan | 100 - 101
- Unit Penyelidikan Inovasi & Komersilan | 102 - 105

JABATAN & UNIT | 106-123
SOKONGAN AKADEMIK
- Corporate Industrial Service & Employment Centre | 108 - 112
- Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia | 114 – 119
- Unit Sistem Maklumat | 120 - 123

JABATAN & UNIT | 124-143
SOKONGAN PELAJAR
- Jabatan Hal Ehwal & Pembangunan Pelajar | 126 - 131
- Unit Pengurusan Psikologi | 132 - 139
- Unit Perpustakaan | 140 - 143

JAWATANKUASA | 144-147
KOLABORASI
- Kolaborasi Politeknik Kuala Terengganu | 146 - 147

KELAB STAF | 148-155
& ALUMNI PKT
- Kelab Staf PKT | 150 - 151
- Program Alumni PKT | 152 - 155

KOLEKSI GAMBAR | 156-161
AKTIVITI & PROGRAM 2019

SIDANG EDITOR | 162-163
LAPORAN TAHUNAN 2019



KATA ALUAN PENGARAH

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Laporan Tahunan 2019 ini dapat diterbitkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penerbitan Laporan Tahunan 2019 atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan proses penerbitan Laporan Tahunan 2019 ini berjalan dengan lancar.

Pada tahun ini, Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah tersenarai antara 32 daripada 139 institusi Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia yang telah berjaya memperoleh tahap cemerlang (100%) dalam pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Institusi bagi tahun 2019. Pencapaian ini membuktikan bahawa PKT mampu bergerak seiring dengan institusi-institusi pendidikan lain di negara ini dalam memberikan perkhidmatan yang cekap dan cemerlang kepada pihak-pihak berkepentingan. Walaubagaimanapun, peluang-peluang penambahbaikan perlu dikenal pasti dari semasa ke semasa bagi menjamin kelangsungan kecemerlangan organisasi.

Antara pencapaian lain adalah kadar kebolehpasaran graduan PKT juga meningkat kepada 100% berbanding 99.1% pada tahun lepas. Ini membuktikan bahawa graduan Politeknik Kuala Terengganu mudah mendapat pekerjaan dan saya percaya graduan PKT mempunyai bakat yang tersendiri hasil daripada garapan dan bimbingan para pensyarah di PKT.

Selain dalam bidang pengurusan dan akademik, PKT juga bergiat aktif mencipta nama di persada kebangsaan dan antarabangsa dengan penglibatan para pelajar dan pensyarah dalam bidang inovasi, keusahawanan, sukan, dan juga aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang tahun ini.

Saya yakin, pencapaian-pencapaian ini tidak akan berjaya diperolehi tanpa kerjasama padu dan komitmen berterusan daripada semua warga kerja PKT yang telah terlibat samaada secara langsung mahupun tidak langsung dalam memastikan segala gerak kerja berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Tahniah dan syabas diucapkan atas kejayaan bersama ini.

Akhir kata, saya berharap agar PKT akan terus merancang dan melaksanakan program yang komprehensif, dinamik, tekal dan responsif kepada kehendak pihak berkepentingan dan pelanggan. Perubahan yang dicorak pada hari ini akan menentukan kejayaan pada masa hadapan.



"PKT telah tersenarai antara **32 daripada 139 institusi** Politeknik dan Kolej Komuniti di Malaysia yang telah berjaya memperoleh tahap cemerlang **100%** dalam pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (**KPI**)"

DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA
Pengarah
Politeknik Kuala Terengganu

KATA ALUAN PENGERUSI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Jawatankuasa Penerbitan Laporan Tahunan Politeknik Kuala Terengganu telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan tahun 2019 ini.

Terima kasih diucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerana telah memberi kerjasama dan komitmen yang sebaiknya dalam penerbitan Laporan Tahunan tahun ini.

Saya berharap agar kita semua dapat bergerak seiring dengan satu suara, satu harapan dan bersama membentuk satu cita demi mencapai matlamat serta merealisasikan impian kita untuk menjadikan Laporan Tahunan sebagai satu bahan bacaan yang dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

Diharapkan juga Laporan Tahunan akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Laporan Tahunan 2019 ini.

Semoga semua usaha kita semua diberkati Allah s.w.t



"Saya berharap agar kita semua dapat bergerak seiring dengan satu suara, satu harapan dan bersama membentuk satu cita"

ABDUL HALIM BIN AHMAD
Pengerusi
Jawatankuasa Penerbitan
Politeknik Kuala Terengganu



MAKLUMAT KORPORAT

- Pengenalan & Latar Belakang PKT
- Misi dan Visi PKT
- Dasar dan Objektif Kualiti PKT
- Piagam Pelanggan PKT
- Carta Organisasi PKT
- 10 Lonjakan PPPM-PT
- Prestasi : KPI PolyPMO 2019

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

PENGENALAN

LATAR BELAKANG POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Politeknik Kuala Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai **Politeknik Kota Kuala Terengganu** dengan rasminya telah ditubuhkan pada **1 Januari 1999** dengan menumpang bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah **konsep kampus dalam kota**. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, akhirnya pada 1 Julai 1999 PKKT telah berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan pertama adalah seramai **153 orang pada Jun 1999** untuk Program Sijil Kejuruteraan Awam sahaja. Bermula pada tahun 2003 Program Sijil Kejuruteraan Awam telah dijumudkan ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dan digantikan dengan Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik.

1999

Politeknik Kota Kuala Terengganu
1 Januari 1999
Konsep Kampus ***"Kota"***
Jun 1999 - 153 orang pelajar
(Sijil Kejuruteraan Awam)

2003

Program Ditawarkan
Sijil Teknologi Maklumat
Sijil Elektrik & Elektronik

2004

Politeknik Kuala Terengganu
Mei 2004
Pertukaran **Kementerian Pengajian Tinggi**

Mulai pertengahan **Mei 2004**, selaras dengan penubuhan kabinet baru selepas Pilihan Raya Umum, Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ditukarkan namanya kepada **Politeknik Kuala Terengganu** (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005, bangunan tambahan telah disewa bagi menampung para pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah untuk Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun bangunan tambahan telah disewa, ianya masih belum mampu menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Ini memaksa PKT menyewa satu lagi bangunan tambahan untuk Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2007.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian **Julai 2009**, Program Sijil telah **dinaiktarafkan kepada diploma** dengan penawaran **Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)** dan **Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik**. Pada sesi **Jun 2010**, berlaku lagi perubahan dalam Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan penamatan **Diploma Elektrik dan Elektronik** dan menawarkan **Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)**.

Sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam pendidikan teknikal kepada lepasan SPM maka PKT telah mengorak langkah dengan penambahan penawaran program baharu di politeknik ini mulai Sesi **Jun 2014**, iaitu **Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DEE)** dengan pengambilan pertamanya seramai 65 orang. Seterusnya pada Sesi **Jun 2015**, sekali lagi PKT menambah penawaran program **Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS)** dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar serta menambah daya saing sebagai sebuah institusi yang utama dalam menawarkan latihan TVET terkemuka di Terengganu. Seramai 30 orang pelajar telah mendaftar untuk penawaran kali pertama bagi program DNS tersebut di PKT. PKT terus mengorak langkah dalam menempuh arus perubahan dan modenisasi digital agar seiring dengan perkembangan semasa dewasa ini. Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), maka mulai sesi **Jun 2016** Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan menjadi **Program Diploma Teknologi Digital (DDT)**. Ini bersesuaian dalam usaha melonjak prestasi PKT kepada tahap yang optimum dan cemerlang seiring dengan konsep "Soaring Upwards" Kementerian Pendidikan Tinggi.

2009

Julai 2009 :
SIJIL ➔ DIPLOMA
Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) (DIP)
Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

2010

Jun 2010
Penamatan Diploma Elektrik & Elektronik
Penawaran Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)

2014 – 2016

Jun 2014
Penawaran Program Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (DEE)
Jun 2015
Penawaran Program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS)
Jun 2016
Penjenamaan Semula Program DIP kepada Program Diploma Teknologi Digital (DDT)

VISI

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri menjelang 2020.

MISI

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri.



DASAR KUALITI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Dasar kualiti PKT adalah membangunkan potensi pelajar PKT ke arah kecemerlangan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKT komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak semula secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarkan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan.

OBJEKTIF KUALITI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

KUALITI 01 KECEMERLANGAN AKADEMIK

1. Berusaha memastikan kadar kelulusan bagi setiap program pengajian di peringkat diploma tidak kurang daripada 95% bagi setiap semester.
2. Berusaha memastikan sekurang-kurangnya 10% daripada pelajar yang lulus mencapai PNM 3.00 atau lebih untuk setiap program pengajian diperingkat diploma bagi setiap semester.



KUALITI 02 KECEMERLANGAN STAF

1. Memastikan setiap staf menghadiri program/menjalani latihan sekurang-kurangnya 10 hari setahun.
2. Membangunkan sekurang-kurangnya lima kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam kalangan Pensyarah skim DH setahun.

KUALITI 03 KECEMERLANGAN PROSES

1. Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan / mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan.

PIAGAM PELANGGAN

1. Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar mendaftar.

2. Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa empat belas hari bekerja selepas aduan diterima.

3. Keputusan peperiksaan akhir diproses dalam masa dua minggu selepas semester pengajian berakhir.

4. Melaksanakan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang menjalani latihan industri pada satu-satu semester.

5. Melaksana proses penasihatan akademik bagi memastikan pelajar akan tamat pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

CARTA ORGANISASI 2019

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	MARZUKI BIN HUSSAIN
KETUA JABATAN TEK. MAKLUMAT & KOMUNIKASI	RAJA INTAN SARIAH RAJA MAHMOOD
KETUA JABATAN MATEMATIK SAINS & KOMPUTER	MOHD RUSMI ABDUL GHANI
KETUA JABATAN PENGAJIAN AM	WATI BINTI MOHAMAD
KETUA UNIT SUKAN & KEBUDAYAAN	ZUNAIDI ABDULLAH
KETUA UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI	AIEZZATUL AKMALIYAH BT ABDULLAH
KETUA UNIT PEPERIKSAAN & PENTAKSIRAN	WAN MOHD ZAIM BIN WAN SALLEH
KETUA UNIT PENYELIDIKAN & INOVASI	MAZUKI BIN SALIM
KETUA UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK	AZMAN BIN HUSIN
KETUA UNIT PID	ABDUL GHANI BIN JUSOH
PEGAWAI E-LEARNING	MOHD ZULKIFLI BIN TAIB

PENGARAH
DR. HJ. MOHD DAUD BIN ISA

PEG. PERHUBUNGAN AWAM
NOORAINI CHE ADZIZ @ CHE AZIZ

PEMBANTU KHAS
WAN NOOR HADIAYANI WAN MOHD

TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
ABDUL HALIM BIN AHMAD

TIMBALAN PENGARAH (SOKONGAN AKADEMIK)
SUZANA BINTI MOHD ALI

KETUA UNIT PENTADBIRAN
MUHAMMAD HANAFI BIN MALEK

KETUA UNIT KEWANGAN
NOORAZURA BINTI CHE NAZAR

KETUA JABATAN HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR
MOHD ZAILANI BIN SULONG

KETUA UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN
MOHD HIDAYAT BIN YUNUS

KETUA UNIT SISTEM MAKLUMAT
SITI RUHANI BINTI SIDIK

PEGAWAI PENGURUSAN KUALITI
RASHID BIN MOHAMMAD

PUSTAKAWAN
NOR AZIAH BINTI AWANG

KETUA PENYELARAS WAR ROOM
SYED AHMAD NASRIE BIN SAYED ABDULLAH

KETUA UNIT PSIKOLOGI & KERJAYA
WAN NORISAH BINTI WAN MUSA

KETUA UNIT CISEC
ZUBAIDAH BINTI AWANG

KETUA UNIT PERHUBUNGAN & SENGGARAAN
MOHD SHAHRUL ANUAR BIN MAT RADZI

KETUA UNIT KEUSAHAWANAN
NORHISYAM BIN MOHD

PEGAWAI MULTIMEDIA & SUMBER
MD HAFRIZ FIKRIE BIN MD HUSSIN



10 LONJAKAN

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar agar pendidikan tinggi di Malaysia sentiasa berdaya saing seiring trend global. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi. Empat Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

Sumber :
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)


Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi
10
Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang
1
Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global
9
Kecemerlangan Bakat
2
Keunggulan Global
8
Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat
3
Ekosistem Inovasi
7
Graduan TVET Berkualiti
4
Pemantapan Tadbir Urus
6
Kemampanan Kewangan
5
Pemangkin
Keberhasilan
Bakat Terpelajar Dipacu Nilai

PRESTASI

Key Performance Indicator (KPI)
PolyPMO **2019**

TREND PENCAPAIAN MARKAH KPI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



JADUAL : PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA TAHUN 2019 POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

BIL	PENYATAAN KPI	WAJARAN %	SASARAN	PENCAPAIAN	SKOR %	KEKERAPAN LAPORAN
1	Peratus kebolehpasaran graduan pada tahun konvokesyen	8	90%	100%	8	TAHUNAN
2	Peratus graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan	6	85%	93.6%	6	TAHUNAN
3	Peratus pelajar tamat dalam tempoh (GOT)	6	75%	75.5%	6	TAHUNAN
4	Peratusan Graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian	6	4%	4%	6	TAHUNAN
5	Bilangan program sukarelawan pelajar yang melibatkan komuniti atau institusi	6	1	1	6	TAHUNAN
6	Bilangan hebahan jabatan / institusi di media baharu	6	31	45	6	SUKUAN
7	Bilangan aktiviti Lean Management di jabatan / institusi	6	2	2	6	TAHUNAN
8	Peratus prestasi pembayaran bil dalam tempoh 7 hari daripada dokumen lengkap diterima	8	100%	100%	8	SUKUAN
9	Peratus PPPT yang mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa	8	5%	6%	8	SUKUAN
10	Bilangan industri yang menghasilkan kolaborasi berimpak tinggi	8	4	8	8	SUKUAN
11	Bilangan penyertaan program PSH bagi setiap institusi pada tahun semasa	8	750	1029	8	SUKUAN
12	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan alumni	6	5	5	6	SUKUAN
13	Bilangan produk inovasi yang diaplikasi / solution provider	4	1	1	4	SUKUAN
14	Bilangan kertas penyelidikan TVET yang diterbitkan	6	10	10	6	TAHUNAN
15	Peratus tahap pencapaian Centre of Technology di institusi	4	40%	76%	4	SUKUAN
				Markah Keseluruhan	**96%**	
				Markah Keseluruhan (Pelarasan)	**100%**	

Prestasi Pencapaian Keseluruhan KPI PKT bagi tahun 2019 ialah 100% (telah divalidasi oleh JPPKK).



PENTADBIRAN & STAF

- Unit Pentadbiran
- Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan
- Unit Perhubungan Awam
- Unit Pembangunan & Senggaraan
- Unit Kewangan
- Unit Inspektorat Dalaman
- War Room

UNIT PENTABDIRAN

Editor : Nadiana bt Ariffin





Unit Pentadbiran adalah sebuah unit yang bertanggungjawap menjadi peneraju pengerak kepada aktiviti politeknik serta **penjana kepada semua aktiviti pentadbiran** yang merangkumi **perkhidmatan**, **perjawatan** dan **pentadbiran am**.

VISI

- Menjadikan bahagian pengurusan dan pentadbiran sebagai pengerak utama pengurusan Politeknik Kuala Terengganu dengan menyediakan perkhidmatan yang cekap, sistematik dan berkesan.

MISI

- Menyediakan keperluan dan perkhidmatan sokongan di Politeknik Kuala Terengganu bagi meningkatkan kualiti pengurusan serta membudayakan tadbir urus yang baik.

MOTTO

- Pentadbiran Berintegriti Ke Arah Kualiti

KEMUDAHAN

- Bilik Persidangan Politeknik
- Bilik Fail

PENCAPAIAN

- Mencapai seratus peratus (100%) pengistiharan harta melalui HRMiS tahun 2019

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



MARZUKI HUSSAIN
Ketua Jabatan JKE
DH48



NOOR AZLIANA MOHD NOOR
Pensyarah
DH44



MOHD ARIFF RAMLI
Pensyarah
DH44



NAPISAH HARUN
Pensyarah
DH44



NOORIZAN ABD.MALEK
Pen. Pustakawan
S29

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

APC 2018



WAN NOOR AISHAH WAN CHEK
Pensyarah
DH44



CHE NOR AZLINA MAT
PT KEW
W19



MOHD SABRI AHMAD
Pensyarah
DH44



SAIDATUL AKMAL ARIFIN
Pembantu Tadbir
N19



SABARIAH HASHIM
Pembantu Operasi
N11



SITI JAMILAH ZAINAL
Pembantu Operasi
N11



SHARINA DIANA JOHARI
Pensyarah
DH41

JUMLAH PERJAWATAN MENGIKUT WARAN PERJAWATAN YANG DILULUSKAN

Akademik

Nama Jawatan	Gred	Jawatan		
		Lulus	Isi	Kosong
Pengurusan				
Pengarah	DH53/54	1	1	0
Timbalan Pengarah	DH47/48	1	1	0
Ketua Jabatan	DH47/48	5	5	0
Ketua Kursus	DH43/44	4	4	0
Pegawai Hal Ehwal Pelajar	DH43/44	1	1	0
Pegawai Hal Ehwal Pelajar	DH41/42	2	2	0
Pegawai Peperiksaan	DH41/42	1	1	0
Pegawai Perhubungan & Latihan Industri	DH41/42	2	1	1
Pegawai Latihan & Pendidikan Lanjutan	DH41/42	1	1	0
Pegawai Pengurusan Kualiti	DH41/42	1	1	0
Pegawai Multimedia	DH41/42	1	0	1
Jumlah Pengurusan		20	18	2
Akademik				
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)	DH53/54	52	1	-13
	DH51/52		1	
	DH47/48		15	
	DH43/44		43	
	DH41/42		1	
	DH33/34		2	
	DH31/32		2	
	DH29		0	
Jumlah Pengurusan		52	65	-13
Jumlah PPPT Keseluruhan		72	83	-13

Bukan Akademik

Nama Jawatan	Gred	Jawatan		
		Lulus	Isi	Kosong
Pengurusan & Profesional				
Pegawai Teknologi Maklumat	F41/F44	2	2	0
Pegawai Perhubungan Awam, Pegawai Penerangan	S41/S44	1	1	0
Pustakawan	S41/S44	1	1	0
Pegawai Psikologi	S41/S44	2	2	0
Pegawai Belia dan Sukan	S41/S44	1	1	0
Jumlah Pengurusan & Profesional		7	7	0
Kumpulan Sokongan				
Penolong Pegawai Tadbir	N32	1	1	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/FA32	1	1	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (KUP) Jawatan Hakiki Juruteknik Komputer	FA29	1	1	0
Penolong Jurutera	JA29/30/JA36	8	8	0
Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	2	2	0
Penolong Pegawai Perpustakaan	S29/S32	1	1	0
Penolong Akauntan	W29/W32	1	1	0
Penolong Akauntan (KUP) Jawatan Hakiki Pembantu Tadbir (Kewangan)	W29	1	1	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)	N22	1	1	0
Pembantu Makmal	C19/C22	3	3	0
Juruteknik Komputer	FT19/FT22	2	2	0
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19/N22	10	10	0
Pembantu Perpustakaan	S19/S22	3	3	0
Pembantu Akauntan	W22	1	1	0
Pembantu Akauntan	W19/W22	1	0	0
Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	2	2	0
Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/N22	1	1	0
Juruaudio Visual	N19/N22	1	1	0
Jurufotografi	B19/18/B21/22	1	1	0
Pereka	B19/18/B21/22	1	1	0
Pemandu Kenderaan	H14	1	1	0
Pembantu Operasi	N14	2	2	0
Pemandu Kenderaan	H11/H14	5	5	0
Pembantu Operasi	N11/N14	13	12	1
Jumlah Kumpulan Sokongan		64	62	1
Jumlah Bukan Akademik Keseluruhan		71	69	1

STATISTIK PERJAWATAN



PERTUKARAN KAKITANGAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



STATISTIK PERTUKARAN

6 orang	5 orang
KELUAR	MASUK

UNIT LATIHAN & PENDIDIKAN LANJUTAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

Unit Latihan Dan Pendidikan Lanjutan merupakan satu unit yang bertanggungjawab sepenuhnya **merancang program-program latihan untuk seluruh kakitangan politeknik** sama ada kakitangan akademik atau bukan akademik demi memastikan **pembangunan kecemerlangan staf dapat dipertingkatkan** dengan lebih berkesan. Selain itu unit ini juga bertanggungjawab **menguruskan kursus atau seminar** untuk pihak luar serta penempatan latihan industri bagi pelajar-pelajar IPT lain di PKT.

PENGENALAN

Menjadikan kakitangan PKT berpengetahuan seiring dengan perubahan dan perkembangan dasar-dasar dan teknologi terkini.

MISI

VISI

Menjadikan PKT sebuah institusi pilihan yang berdaya saing bagi memenuhi keperluan industri.



KEMUDAHAN

- Menyelaras latihan kepada kakitangan dalaman
- Menguruskan penempatan pelajar luar bagi menjalani latihan industri di PKT
- Menguruskan keperluan latihan kepada pihak luar di bawah Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.
- Menguruskan tempahan sewaan ruang di bawah *"Time Sector Privatization"* oleh pihak luar.
- ULPL sebagai *"Training Provider"* di bawah HRDF.

OBJEKTIF

Penubuhan unit ini berfungsi untuk memastikan setiap staf dapat mengikuti latihan/kursus sekurang-kurangnya **10 hari setahun** selaras dengan ketetapan Jabatan Pendidikan Politeknik dan berdasarkan strategi yang terkandung dalam Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2005 berkaitan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.
Namun untuk tahun 2019 Kementerian Pendidikan Malaysia melalui surat KPM.500-6/8/4 Jld. 7 (97) bertarikh 30 Januari 2019 telah menetapkan **jumlah hari latihan bagi warga KPM adalah sekurang-kurangnya LIMA (5) hari setahun**. Bilangan hari latihan ini terpakai sehingga pihak JPA mengeluarkan arahan/pekeliling terkini.

Moto : Pembangunan Bakat Anda Tanggungjawab Kami

CARTA ORGANISASI UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN



PENCAPAIAN DAN PRESTASI ULPL

Prestasi Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan pada tahun 2019 adalah sangat memberangsangkan. Kesemua 152 orang Staf PKT telah berjaya melengkapkan sekurang-kurangnya 5 hari berkursus mengikut surat edaran bertarikh 13 Febuari 2019. Seramai 43 dari 152 orang staf PKT telah menghadiri sekurang-kurangnya 10 hari berkursus iaitu pada kadar 29%.

ULPL juga berjaya memenuhi kehendak Key Performance Index (KPI) yang ditetapkan oleh pihak JPPKK di dalam bilangan penyertaan kursus Time Sector Privatisation (TSP) iaitu 750 bilangan penyertaan dengan jumlah penyertaan sebenar seramai 1029 peserta dan berjaya mengumpul Jumlah janaan pendapatan Akaun Amanah sebanyak RM9,000 walaupun ianya tidak disenaraikan sebagai kehendak KPI pada tahun ini*.

STATISTIK LATIHAN STAF

152 KAKITANGAN PKT

100% 5 HARI KURSUS

29% 10 HARI KURSUS

KEY PERFORMANCE INDEX KPI

750 BIL. PENYERTAAN

1092 PESERTA

RM9000 JANAAN PENDAPATAN AKAUN AMANAH*

STATISTIK PELAKSANAAN LATIHAN STAF

Peratusan Keseluruhan Kakitangan Telah Menghadiri Kursus 2019

133	POLITEKNIK BESUT	28	3	1	1	2	4	0	0	0	0	0	39
134	POLITEKNIK HULU TERENGGANU	50	3	5	6	6	4	0	0	0	0	0	74
135	POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN	274	32	35	33	26	13	0	0	0	0	1	414
136	POLITEKNIK JELI	58	12	8	9	13	14	0	0	0	0	0	114
137	POLITEKNIK KOTA BHARU	317	47	46	36	32	56	0	0	0	0	1	535
138	POLITEKNIK KOTA KINABALU	283	32	26	20	30	16	0	0	0	0	0	407
139	POLITEKNIK KUALA TERENGGANU	43	9	16	22	28	34	0	0	0	0	0	152
140	POLITEKNIK KUCHING	343	32	27	19	24	13	0	0	0	0	1	459
141	POLITEKNIK MELAKA	158	18	11	11	9	5	0	0	0	0	0	212
142	POLITEKNIK MERLIMAU	297	27	27	21	30	25	0	0	0	0	0	427
143	POLITEKNIK MERSING	144	4	10	6	8	1	0	0	0	0	0	173
144	POLITEKNIK METRO BETONG	33	4	3	13	0	0	0	0	0	0	0	53
145	POLITEKNIK METRO JOHOR BAHRU	37	5	2	6	4	1	0	0	0	0	0	55
146	POLITEKNIK METRO KUALA LUMPUR	40	6	4	2	2	10	0	0	0	0	0	64
147	POLITEKNIK METRO KUANTAN	46	4	4	1	2	1	0	0	0	0	1	59
148	POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR	46	4	3	2	0	1	0	0	0	0	0	56

Jadual 1 : Bilangan Hari Berkursus Mengikut Tahun Semasa 2019 (*Sumber daripada e-SIS*)

Peratusan Latihan Kakitangan mengikut Jabatan

BILANGAN HARI BERKURSUS MENGIKUT TAHUN 2019

		Bilangan Hari Berkursus											
Bil.	Nama Institusi/Jabatan/Bahagian	>=10	9	8	7	6	5	4	3	2	1	0	JUMLAH
1	UNIT KUALITI DAN DOKUMENTASI	0	0	0	1	0	1	0	0	0	0	0	2
2	UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2
3	PUSAT SUMBER	0	0	0	3	2	0	0	0	0	0	0	5
4	UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	2
5	UNIT PEPERIKSAAN	0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	0	2
6	UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN	2	0	0	1	0	4	0	0	0	0	0	7
7	JABATAN HAL HAL PELAJAR	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1
8	JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER	0	0	5	1	2	2	0	0	0	0	0	10
9	UNIT PSIKOLOGI DAN KERJAYA	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	3
10	HAL EHWAL PELAJAR	0	0	1	0	1	3	0	0	0	0	0	5
11	UNIT PENTADBIRAN POLITEKNIK	0	2	1	7	10	11	0	0	0	0	0	31
12	UNIT MULTIMEDIA DAN SUMBER	1	2	0	1	0	0	0	0	0	0	0	4
13	UNIT SUKAN DAN KOKURIKULUM	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2
14	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT	0	0	2	2	0	2	0	0	0	0	0	6
15	JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	16	2	2	2	2	4	0	0	0	0	0	28
16	JABATAN PENGAJIAN AM	5	0	3	2	4	1	0	0	0	0	0	15
17	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	18	2	1	2	2	2	0	0	0	0	0	27
										JUMLAH JABATAN/UNIT: 17			

Jadual 2 : Bilangan Hari Berkursus Mengikut Jabatan (*Sumber daripada e-SIS*)

KURSUS PENDEK DI BAWAH PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2019

Berikut adalah penglibatan peserta luar dan peserta dalam Kursus Pendek di bawah program Pembelajaran Sepanjang Hayat anjuran ULPL sehingga DISEMBER 2019:

JADUAL 3: KURSUS PENDEK DI BAWAH PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2019

BIL	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	BIL. PENYERTAAN	JABATAN / UNIT
1	24 Januari 2019	Seminar MUET	26	ULPL
2	14 Febuari 2019	Kelas Persediaan MUET	19	ULPL & JPA
3	16 Febuari 2019	Beauty Class	15	ULPL
4	9 Mac 2019	Bengkel Video Pendek Siri 1	38	UIDM
5	16 Mac 2019	Bengkel Video Pendek Siri 2	46	UIDM
6	20 Mac 2019	Program Bersama Kaunselor Sekolah	43	Pentadbiran
7	26 Mac 2019	Photoshoot Camp	126	ULPL
8	28 Mac 2019	English Workshop For Beginner	25	ULPL
9	11 April 2019	Bengkel Mobile Fotografi	33	JTMK
10	4 April 2019	Bengkel Fiber Optik	14	JKE
11	4 April 2019	Bengkel Abacus	24	JMSK
12	4 April 2019	Talk IR 4.0	74	Alumni PKT
13	20-21 Mei 2019	Kursus Perakaunan Pengurusan – Modul Mycost	24	ULPL
14	27 -28 Mei 2019	Kursus Perakaunan Pengurusan – Modul Mycost	17	ULPL
15	11 Julai 2019	Seminar MUET	74	ULPL
16	26 Jun 2019	Bengkel Asas Pengaturcaraan Python	73	JTMK
17	6-7 September 2019	Kursus Pra Perkahwinan	131	LPL & UPPsi
18	12 September 2019	Kelas Persediaan MUET	21	LPL
19	17 Ogos 2019	Kursus Power Eletronik Siri 1	30	JKE & LPL
20	23 Ogos 2019	Kursus Power Eletronik Siri 2	30	JKE & LPL
21	24 Ogos 2019	Kursus Power Eletronik Siri 3	30	JKE & LPL
22	30 Ogos 2019	Kursus Power Eletronik Siri 4	30	JKE & LPL
23	3 November 2019	Program Sharing HRMIS Applicatin Knowledge & Experience (Share) – Siri 1	23	ULPL
24	4 November 2019	Program Sharing HRMIS Applicatin Knowledge & Experience (Share)- Siri Ii	23	ULPL
25	5 November 2019	Program Sharing HRMIS Applicatin Knowledge & Experience (Share) – Siri Iii	23	ULPL
26	16 November 2019	Kursus Bakeri	17	ULPL
		JUMLAH KESELURUHAN	1029	

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM SEPANJANG 2019

Bengkel Auditor Dalaman




Kursus Kecemerlangan Staf : Kecergasan dan Kesihatan




Kursus Persediaan MUET





Mesyuarat Pegawai Latihan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur bersama wakil JPPKK





Kursus MYCOST KPDNKK





Kursus Jangka Pendek : Beauty Class



APA ITU TVET

TVET ialah pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional secara sepenuh masa dan pembelajaran sepanjang hayat yang ditawarkan kepada individu pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur bertujuan untuk menyediakannya ke arah alam pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTITUSI YANG MENAWARKAN TVET

MTUN, POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI, KOLEJ VOKASIONAL DAN SEK. MEN. TEKNIK

** MTUN (Malaysian Technical University) : UTHM, UNiMAP, UTeM,UMP*



Sumber : https://www.mypolycc.edu.my/index.php/tvet/pengenalan

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Editor : Nadiana bt Ariffin

Unit Perhubungan Awam Politeknik Kuala Terengganu (PKT) bertindak sebagai **jurucakap bagi PKT** dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang berkaitan dengan PKT dengan arahan dan persetujuan Pengarah PKT. Unit ini juga bertanggungjawab dalam **menguruskan perhubungan awam dengan media** dan **merancang strategi media dalam penyebaran maklumat** secara berkesan. Selain itu, unit ini juga bertindak dalam **menguruskan isu dan aduan** berdasarkan piawaian, **merancang dan melaksana aktiviti publisiti** dan **promosi** secara berterusan dan **menyelaras penyediaan teks** ucapan, kata aluan dan penerbitan korporat.

OBJEKTIF

- Menguruskan promosi dan publisiti tentang dasar, program dan aktiviti yang dianjurkan oleh politeknik dan pihak luar yang berkaitan.
- Memantau dan menilai liputan media yang memberi kesan kepada perkembangan Politeknik Kuala Terengganu.
- Menyelaras hubungan Politeknik Kuala Terengganu dengan institusi pendidikan lain dan juga pihak-pihak luar.
- Mengurus lawatan-lawatan dari luar sama ada pelajar, syarikat atau badan-badan kerajaan yang lain.
- Membantu Unit Multimedia dalam penghasilan bahan penerbitan politeknik.
- Membantu unit ICT dalam pembangunan bahan laman web rasmi Politeknik Kuala Terengganu.

VISI

- Pengurusan komunikasi dan perhubungan awam yang profesional dan dinamik.

MISI

- Menerajui perhubungan awam berteraskan profesional, kompeten dan komunikasi yang efektif.

CARTA ORGANISASI UNIT PERHUBUNGAN AWAM



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT PERHUBUNGAN AWAM SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	05 Januari 2019	Promosi Kemasukan Ke Politeknik sempena Majlis Perasmian Karnival Lepasan Pelajar 2019	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT	Daerah Kuala Terengganu
	16 Januari 2019	Program Kunjungan Hormat Pengarah PKT Ke SMK Teknik Terengganu	Bilik Pengetua, SMK Teknik Terengganu	Politeknik
	21 Januari 2019	Program Lawatan Kerja Pengarah PKT ke Mysoftcare Solution Sdn Bhd	Mysoftcare Solution Sdn Bhd	Politeknik
	28 Januari 2019	Program Kunjungan Hormat Pengarah PKT ke Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Politeknik
	30 Januari 2019	Ujibakat Pencarian Krew PoliTV Politeknik Kuala Terengganu	Bilik Tayangan PKT	Politeknik
FEBRUARI	10 Februari 2019	Program Kunjungan Hormat Pengarah PKT ke Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu	Pejabat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu	Politeknik
	11 Februari 2019	Liputan Akhbar Kampus UOLS sempena Majlis Penyerahan Projek Inovasi Pelajar (Sistem Pengurusan Disiplin Murid)	Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kala, Kota Bharu, Kelantan	Politeknik
MAC	20 Mac2019	Program Bersama Kaunselor Sekolah Sempena Keputusan SPM 2019	Dewan Utama, PKT	Politeknik
APRIL	4 April 2019	Liputan Akhbar sempena Program Tunjuk Ajarku Sifu Bersama Alumni PKT	Terengganu Digital 1303	Politeknik
	11 April 2019	Promosi Kejohanan E-Sukan Kampus oleh Media Prima Digital di Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MEI	28 Mei 2019	Liputan Televisyen Penyampaian Bakul Program Sekampit Beras Sekilo Gula	Daerah Kuala Terengganu	Politeknik
JUN	28 Jun 2019	Taklimat Pengenalan kepada PKT sempena Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu Sesi Jun 2019	Dewan Utama, PKT	Politeknik
	28 Jun 2019	Promosi Kemasukan ke PKT sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2019	Dewan Sivik Kertih	Peringkat Negeri Terengganu
	27 Jun 2019	Kunjungan Hormat Puan Hajah Maizan binti Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia ke Politeknik Kuala Terengganu	Perpustakaan PKT	Politeknik
JULAI	21 Julai 2019	Liputan Akhbar sempena Career Day 3.0 Politeknik Kuala Terengganu 2019	PKT	Negeri Terengganu
OGOS	29 Ogos 2019	Temubual Radio sempena Program ICT Village:Alumni Edu Care Zon Timur 2019 & East Coast Open (Eco) di Terengganu FM	Radio Terengganu Malaysia	Negeri Terengganu
SEPTEMBER	25 September 2019	Kunjungan Tidak Rasmi daripada beberapa Universiti dari Indonesia ke PKT	PKT	Politeknik
OKTOBER	21 Oktober 2019	Promosi Kemasukan ke PKT sempena Hari Psikologi peringkat Negeri Terengganu	Wisma Darul Iman	Negeri Terengganu
	22 Oktober 2019	Temubual Radio sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2019 Peringkat Negeri Terengganu	Radio Terengganu Malaysia	Negeri Terengganu
NOVEMBER	12 November 2019	Kunjungan Hormat Pengarah PKT kepada Pegawai Daerah Marang	Pejabat Daerah dan Tanah Marang	Politeknik

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM SEPANJANG 2019

Kunjungan Hormat Pengarah PKT kepada Pegawai Daerah Marang





Liputan Televisyen Penyampaian Bakul Program Sekampit Beras Sekilo Gula





Temubual Radio sempena Program ICT VillageAlumni Edu Care Zon Timur 2019 dan East Coast Open (Eco) di Terengganu FM 2



Temubual Radio sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2019 Peringkat Negeri Terengganu



Keratan

Politeknik bina jaringan bersama pemain indu

KUALA TERENGGANU - Program Career Day 3.0 anjuran Politeknik Kuala Terengganu dengan kerjasama Politeknik Hulu Terengganu dan JobsMalaysia Centre Terengganu memberi pendedahan terhadap bidang kerjaya kepada bakal graduan.

Pengarah Politeknik Kuala Terengganu, Dr Mohd Daud Isa berkata, pendedahan itu menerusi hasil jaringan kolaborasi bersama pemain-pemain industri di negara ini.

"Ini antara usaha dilakukan bagi memberi pendedahan dan maklumat berkaitan kerjaya dan pekerjaan kepada pelajar Politeknik Kuala Terengganu.

"Tahun ini merupakan tahun ketiga penganjuran program Career Day di mana ia sebagai persediaan kepada pelajar sebelum memasuki alam pekerjaan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian program itu di sini semalam.



Samsuri (tengah) bersama Mohd Daud (lima dari kanan) ketika majlis menandatangani kolaborasi (CoC) dan peny memorandum persefahaman (MoU) bersama industri sempena program Career Day semalam.

Majlis itu dirasmikan Pengarah Bahagian Koordinasi TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr Shamsuri Abdullah.

Politeknik Kuala Terengganu dan Politeknik Hulu Terengganu turut menandatangani sijil kolaborasi (CoC) bersama sembilan pemain industri antaranya KNS Consultant Sdn. Bhd, MK Services Sdn. Bhd, Akademi Binaan Malaysia WilayahTimur, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Terengganu, Midanix Sdn Bhd, Speed Office Sdn. Bhd, Kitamen Resources Sdn. Bhd, Auto Count Sdn. Bhd dan Camp 7 Adventure Park.

Turut diadakan p Memorandum Pers (MoU) antara Politek Terengganu bersama ative Solutions dan M Solution Sdn Bhd.

Dalam pada itu, kat nyak 11 buah syarikat, i

Liputan Akhbar sempena Career Day 3.0 Politeknik Kuala Terengganu 2019

Akhbar

stri



rahan

nyerahan
fahaman
nik Kuala
Web Cre-
ySoftcare

nya, seba-
dustri dan

agensi yang terlibat dalam Career Day sebagai panel penemu duga antaranya Shin-Etsu Polymer (M) Sdn Bhd, PMB Investment Bhd, Mydin Mohamed Holdings Bhd, Noor Arfa Holdings Bhd, KL-Kepong Industrial Holding Bhd, FZH Solution, Al-Amin Agency, Shutter Point Trading, Coway (M) Sdn Bhd, CIMB Principal Asset Management BHD dan Hartalega NGC Sdn Bhd.

"Kita juga menyediakan aktiviti menarik sepanjang program ini antaranya taklimat dan nasihat kerjaya daripada JobsMalaysia, klinik resume dan pameran kerjaya.

"Selain itu, terdapat juga kursus-kursus pendek seperti Mobile Photography Workshop, Program Intro Tourist, Demo Masakan Kuih Talam Keladi dan Koleh Kacang, Kursus Tahsinul Solat, Kursus Table Setting & Napkin Folding dan Kursus e-Usahawan 2019 bersama MDEC," katanya.

KELANTAN. TERENGGANU

'Tunjuk ajarku sifu'

PKT kolaborasi dengan industri, alumni tingkat kemahiran graduan

FARAH SHAZWANI ALI

KUALA TERENGGANU



PKT menandatangani Sijil Kolaborasi bersama TD1303 dan MARii.

Kolaborasi antara Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dengan pihak industri dan alumni menjadi satu jambatan untuk membina lebih banyak peluang pekerjaan, di samping kebolehpasaran graduan politeknik itu.

Pengarah PKT, Dr Mohd Daud Isa berkata, terbaru pihaknya menjalankan Program Tunjuk Ajarku Sifu buat julung kalinya, dengan memfokuskan bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Menurutnya, program itu dirancang untuk membantu menangani masalah kemahiran pelajar, di samping mempersiapkan pelajar dengan konsep asas keusahawanan.

"Kolaborasi dengan pihak industri dalam program ini secara tidak langsung bagi melahirkan modal insan negara yang kompeten dan berdaya saing, selaras dengan keperluan tenaga kerja negara masa kini dan hadapan.

"Selain itu, penglibatan alumni pula merupakan satu usaha ke arah mengembalikan semula peranan mereka terutamanya dalam perkongsian ilmu dan kemahiran kepada pelajar PKT khususnya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Program Tunjuk Ajarku Sifu bersama Alumni Politeknik Kuala Terengganu bertempat TD1303 Hub Digital Terengganu, di sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Bahagian Pembangunan Teknologi Maklumat, Institut Automotif, Robotik & IoT Malaysia (Marii), Wan MohdSafwan Wan Ariff dan Eksekutif IT TD1303, Mohd Hazrul Mat Tajuddin.

Program itu adalah anjuran PKT di bawah Unit Alumni, dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Jabatan Matematik, Sains dan Komputer.

Seramai 200 pelajar PKT menyertai program itu, terdiri daripada pelajar Semester 1,2,3, 4 dan pelajar tahun akhir.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program itu berlangsung ialah Program Talk IR 4.0, Bengkel Kabel Optik, Bengkel Mobile Fotografi, Bengkel Abacus dan TRIZ Competition.

Pada majlis itu juga, diadakan Majlis Menandatangani Sijil Kolaborasi PKT bersama Institut Automo-



Liputan Akhbar sempena Program Tunjuk Ajarku Sifu Bersama Alumni PKT

UNIT PEMBANGUNAN & SENGGARAAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

Unit Pembangunan dan Senggaraan berperanan **merancang dan menyelaraskan kerja-kerja pembangunan** seperti naik taraf / pengubahsuaian ruang serta **kerja-kerja penyelenggaraan, pencegahan dan pembaikan** (preventive & corrective maintenance) yang melibatkan **bangunan, infrastruktur awam, aset dan peralatan** seperti kenderaan jabatan, penyaman udara, mesin fotostat dan sebagainya. Kerja penyelenggaraan dilaksanakan samada secara terus atau melalui khidmat kontraktor yang diselia oleh penolong jurutera di dalam bidang yang berkaitan.

OBJEKTIF

- Memastikan bangunan, infrastruktur, awam, aset dan peralatan di bawah seliaan unit ini agar berfungsi dengan baik, selesa dan selamat digunakan supaya dapat menjadikan PKT sebagai pusat kecemerlangan ilmu yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

KEMUDAHAN

- Perkhidmatan penyelenggaraan bangunan, infrastruktur, awam, aset dan peralatan di bawah seliaan unit ini.
- Perkhidmatan penggunaan kenderaan jabatan.

VISI

- Perkhidmatan yang mesra pelanggan terhadap setiap laporan kerosakan dan tindakan penyelenggaraan dan pembangunan yang memberi keselesaan kepada pelanggan.

MISI

- Unit yang efektif dalam melaksanakan kerja pembangunan dan penyelenggaraan.

JAWATANKUASA 2019

1. **Persiapan Tempat**
   a. *Majlis Konvokesyen PKT Ke-18*
   b. *ICT Village & Kejohanan eSports East Coast Open*
   c. *Pendaftaran & MSK sesi Jun & Disember 2019*
   d. *Program Career Day 3.0*
   e. *Program Street Rahmah & Bual Bicara*
   f. *Program Tunjuk Ajarku Sifu*
2. **Pengangkutan**
   a. *Program Bubur Lambuk*
   b. *World #QuranHour PKT*
   c. *Program Sekampit Beras Sekilo Gula Ramadhan*
3. **Pembangunan Kampus Baharu PKT**



CARTA ORGANISASI UNIT PEMBANGUNAN DAN SENGGARAAN



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1 : AKTIVITI PENYELENGGARAAN DAN BAIK PULIH SEPANJANG 2019

BIL	BULAN	AKTIVITI PENYELENGGARAAN	TEMPAT	PERINGKAT
1	FEBRUARI	Penyelenggaraan & kerja-kerja manual servis (servis berkala) dan baikpulih penyaman udara • ***163 penyaman udara***	Semua (5) bangunan	Politeknik
2	MAC	Penyelenggaraan pendawaian elektrik di bangunan Induk & bangunan JKE	Bangunan Induk & JKE	Politeknik
3	APRIL	Penyelenggaraan kenderaan Jabatan • ***Servis berkala/major***		Politeknik
4	MEI	Penyelenggaraan & kerja-kerja manual servis (servis berkala) dan baikpulih penyaman udara • ***163 penyaman udara***	Semua (5) bangunan	Politeknik
5	JUN	Penyelenggaraan kunci pintu serta yang berkaitan	Bangunan Induk	Politeknik
6	JULAI	Menyelenggara mesin fotostat jenama Ricoh MP3090 (Bilik Percetakan) & Ricoh Aficio 3025 (Perpustakaan)	Bangunan Induk	Politeknik
7	OGOS	Menyelenggara kerosakan tandas & pintu serta yang berkaitan	Semua (5) Bangunan	Politeknik
8	SEPTEMBER	Penyelenggaraan sistem pencegahan kebakaran di PKT	Bangunan Induk	Politeknik
9	OKTOBER	Penyelenggaraan & perkhidmatan general pest control dan rawatan anai-anai	Semua (5) Bangunan	Politeknik



UNIT KEWANGAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

Unit Kewangan diketuai oleh Pengarah Politeknik Kuala Terengganu dan dibantu oleh **seorang penolong akauntan** gred W29 serta **enam orang kakitangan sokongan** yang lain.

OBJEKTIF

- Merancang, mengurus dan mengawal peruntukan kewangan dan perakaunan.
- Memastikan segala peraturan yang ditetapkan oleh Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan pekeliling-pekeling berkaitan dipatuhi .
- Menyedia dan membentang laporan berkaitan dengan kewangan dan perakaunan.

VISI

- Berazam menjadi unit Kewangan terunggul, berhemah dan professional seterusnya melaksanakan amalan pengurusan kewangan terbaik.

MISI

- Mengendalikan Khidmat Pengurusan Kewangan Yang Cekap, Cepat, Amanah dan Bertanggungjawab selaras dengan Objektif dan Misi PKT.

CARTA ORGANISASI UNIT KEWANGAN



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT KEWANGAN AWAM SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	2 Januari 2019	Mesyuarat JPKA Bil 4/2018	Bilik Persidangan	Politeknik
FEBRUARI	11 Februari 2019	Mesyuarat Unit Kewangan Bil 1/2018	Unit Kewangan	Politeknik
APRIL	3 April 2019	Mesyuarat JPKA Bil 1/2019	Bilik Persidangan	Politeknik
MEI	28 Mei 2019	Mesyuarat Unit Kewangan Bil 2/2018	Unit Kewangan	Politeknik
JULAI	10 Julai 2019	Mesyuarat JPKA Bil 2/2019	Bilik Persidangan	Politeknik
SEPTEMBER	28-29 September 2019	Naziran Gaji	Bilik Persidangan	JANM Terengganu
OKTOBER	1 Oktober 2019	Mesyuarat JPKA Bil 3/2019	Bilik Persidangan	Politeknik

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM SEPANJANG 2019

Naziran Gaji Pada 28 Hingga 29 September 2019







STATISTIK PEMBAYARAN DI UNIT KEWANGAN

Perbelanjaan bagi Belanjawan Mengurus Politeknik Kuala Terengganu



Prestasi Pembayaran Bil Politeknik Kuala Terengganu



STATISTIK PEMBAYARAN BIL

JADUAL 2: Peratusan Pembayaran Bil Disempurnakan Dalam Masa 7 Hari

BIL	BULAN	BILANGAN BIL	PERATUSAN
1	JANUARI	0	0
2	FEBRUARI	63	100
3	MAC	85	100
4	APRIL	99	100
5	MEI	76	100
6	JUN	50	100
7	JULAI	60	100
8	OGOS	80	100
9	SEPTEMBER	82	100
10	OKTOBER	0	0
11	NOVEMBER	0	0
12	DISEMBER	0	0
	Jumlah	595	

Petunjuk : Bilangan Bil %Bayaran Bil

UNIT INSPEKTORAT DALAMAN

Editor : Nadiana bt Ariffin

Penubuhan Pasukan Inspektorat Dalaman (PID) bermula pada 16 Disember 2012 dan telah mendapat saranan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi. PID berfungsi untuk **melakukan pemeriksaan, mengesan dan membantu** Jabatan dalam **melaksanakan prosedur atau peraturan** dan bukan bertujuan untuk mencari kesalahan. Bermula 1 Ogos 2018, PID telah berkuatkuasa sepenuhnya sebagai Pasukan Inspektorat Dalaman Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia (JPPKK). Di Politeknik Kuala Terengganu, Unit Inspektorat Dalaman (PID) dianggotai oleh **Pegawai Inspektorat**, **Penolong Pegawai Inspektorat**, **Juruaudit Dalaman PID** dan **Urusetia PID**. Proses pemeriksaan dilaksanakan oleh PID terhadap unit atau jabatan berkaitan **pelaksanaan prosedur atau peraturan apabila menerima aduan** atau **mendapat arahan secara langsung** daripada Ketua Institusi di Politeknik Kuala Terengganu. Hasil pemeriksaan dilaporkan kepada Ketua Institusi bagi tujuan penambahbaikan.

VISI

Melakukan pemeriksaan dan penilaian audit secara bebas dan berobjektif bertujuan menambah nilai dan memperbaiki operasi semua lapisan pengurusan dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti dalam semua aspek pengurusan.

MISI

Menjadi penyumbang kepada kecekapan dan kekukuhan tadbir urus Politeknik Kuala Terengganu.

PENGENALAN



KEMUDAHAN

OBJEKTIF

- Membawa pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko , kawalan dan proses tadbir urus.
- Menyediakan laporan atau pemerhatian hasil daripada pengauditan.
- Memastikan tadbir urus politeknik dilaksanakan mengikut peraturan dan pekeliling yang ditetapkan dari masa ke semasa.
- Menyiasat maklumat/aduan yang diperolehi terhadap salah laku berkaitan kewangan dan pengurusan.

Memantau operasi politeknik dengan menjalankan pengauditan untuk mengenal pasti kelemahan atau ketidakpatuhan kepada peraturan kerajaan serta mengambil tindakan proaktif untuk penambahbaikan dan menghalang isu-isu berbangkit daripada berulang.

MOTO ► *'Contribute...No Influenced'*

CARTA ORGANISASI UNIT INSPEKTORAT DALAMAN



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT INSPEKTORAT DALAMAN SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	2 Januari 2019	Bengkel Pengurusan Audit Kewangan	Pentadbiran PKT	Politeknik
FEBRUARI	19 Februari 2019	Audit Kewangan (Baucar Bayaran)	Pentadbiran PKT	Politeknik
	12-13 Februari 2019	Bengkel Audit Kualiti Dalaman 2019	Dewan Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JUN	18 Jun 2019	Audit Kawalan Pengurusan Pejabat	Unit R&D Dan Unit Psikologi	Politeknik
OGOS	20 Ogos 2019	Audit Kawalan Pengurusan Pejabat	Unit Pembangunan	Politeknik

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM SEPANJANG 2019

Pemeriksaan Baucar Bayaran





Proses Pengkompilan Laporan



Pemeriksaan di Unit Kaunseling & Psikologi





> "Cari semangat dalam menghasilkan perubahan, tidak kira betapa kecil atau besarnya perubahan tersebut. Kita boleh menjadi percikan cahaya untuk seseorang yang memerlukannya."

WAR ROOM

Editor : Nadiana bt Ariffin

War Room Politeknik Kuala Terengganu (WR PKT) mula ditubuhkan pada 7 Ogos 2012 dan majlis perasmiannya disempurnakan oleh Ketua Pengarah JPP, Yg. Berusaha Dato' Mejar (K) Hj. Md Nor bin Yusof pada 18 November 2012 dalam siri lawatan beliau ke PKT.

Mulai Januari 2014 , operasi WR PKT telah dipindahkan ke lokasi bangunan baharu sesuai dengan imej korporat dan sebagai nadi utama politeknik. Sepanjang lebih tujuh (7) tahun pengoperasian semenjak 2012, War Room PKT telah menerima banyak kunjungan pelawat-pelawat daripada pihak industri dan institusi pendidikan yang lain termasuk kunjungan hormat Ketua Pengarah Jabatan Pendidkan Politeknik (JPP), iaitu Y. Bhg. Datuk Haji Mohlis bin Jaafar bersama Y. Bhg. Dr. Naimah binti Md. Khalil, Pengarah Bahagian Perancangan Politeknik, JPP pada 16 Jun 2015.

War Room PKT terus menjadi **pusat pengumpulan data-data penting politeknik** dalam **membantu pihak pengurusan PKT membuat pemantauan pencapaian KPI secara berkala** mengikut sukuan. Pada tahun 2019, WR bertanggungjawab **memantau 33 KPI Politeknik** di samping 15 KPI di bawah seliaan Pegawai Pengurusan Kualiti menjadikan jumlah keseluruhan **48 KPI PKT** yang perlu dipantau dari semasa ke semasa. Sehingga kini WR juga meneruskan operasi dengan pelbagai fungsi tugas lain termasuk sebagai **tempat perbincangan dan mesyuarat** berkaitan aset, perolehan, sumber manusia dan lain-lain mesyuarat operasi jawatankuasa kecil atau ad-hoc di samping menjadi tempat menemuduga pelajar oleh pihak industri.

Seiring dengan perkembangan teknologi IR 4.0, maka WR telah mendigitalkan kaedah pengumpulan dan pemantauan data KPI Politeknik melalui penggunaan Microsoft One Drive bagi menjadikan proses capaian maklumat lebih pantas, cepat dan mudah seiring dengan sokongan persekitaran kurang menggunakan kertas bagi menyokong kelestarian teknologi hijau yang mesra alam sekitar.

OBJEKTIF

- Membantu memudahkan pihak pengurusan PKT memantau dan menguruskan semua indikator petunjuk prestasi KPI (Key Performance Indicator) PKT dengan lebih baik dan efisien.
- Merupakan lokasi pengumpulan data berpusat terhadap semua KPI Politeknik dengan melakukan pemantauan pencapaian KPI PKT secara berkala mengikut sukuan.
- Menjadi nadi politeknik sebagai pusat operasi tempat perbincangan dan mesyuarat bahagian-bahagian kritikal atau data-data penting politeknik.

KEMUDAHAN & INFRASTRUKTUR

1. ***Bilik Paparan Data Utama @ Main Showroom***
   - Meja Pameran Kaca
   - Dashboard A-E
   - Paparan TV Digital LED 42"
   - Mesin pencetak berwarna A3
   - Meja dan kerusi petugas WR
2. ***Bilik Mesyuarat War Room***
   - Mesin fotostat
   - Flip Chart Board
   - Paparan TV Digital LED 42"
   - Meja & kerusi mesyuarat (8 orang)
3. ***Bilik Pegawai WR***



MOTO

"War Room Adalah Nadi Politeknik!"

CARTA ORGANISASI WAR ROOM

KETUA PENYELARAS
Syed Ahmad Nasrie Sayed Abdullah

PEN. PENYELARAS & SETIAUSAHA
Zainun Saleh

DASHBOARD A
PEMANTAUAN AKADEMIK

Marzuki Hussain
Akademik & Industri JKE

Raja Intan Sariah Raja Mahmood
Akademik & Industri JTMK

Wati Mohamad
Akademik & Industri JPA

Mohd Rusmi Abdul Ghani
Akademik & Industri JMSK

Mohd Zulkifli Taib
E-Learning & Blended Learning

Mohd Suhaidi Shafie
Center of Technology

DASHBOARD B
TADBIR URUS

Muhammad Hanafi Malek
Perjawatan, HRMIS

Noorazura Che Nazar
Kewangan & Pembayaran Bil

Sharina Diana Johari
Latihan Staf, MySTIMSys, ESIS

Wan Kamaruddin Wan Mohamad
Sewaan, Tender & Kontrak

Nurul Fida Abdul Kadir
Pengurusan Aset

Azwani Azhari
Pengurusan Stor

DASHBOARD C
KUALITI & PENARAFAN

Azman Hussin
Kecemerlangan Akademik & Akreditasi

Rashid Mohamad
Pengurusan Kualiti, KPI & Takwim

Norlia Embong
Smart Green PolyCC

Darmila Ali
iPad SPMP

Norkatyniy Ismail
EKSA

DASHBOARD D
PELAJAR & GRADUAN

Mohd Zailani Sulong
HEP & Enrolmen Pelajar

Zubaidah Abd. Rahman
CISEC & 1L5G

Wan Hamidah Wan Abas
Tracer Study

Wan Mohd Zaim Wan Salleh
Statistik Graduan & Konvokesyen

Noor Muzlinda Mat Hashim
Alumni

DASHBOARD E
PENGANTARABANGSAAN

Foo Jyy Wei
Kolaborasi Politeknik

Aiezzatul Akmaliyah Abdullah
Latihan Industri

Mazuki Salim
Penyelidikan, Inovasi, Komersil

Norhisyam Mohd
Keusahawanan@CONCEPT

INFO KORPORAT
PENCAPAIAN PKT

Nooraini Che Aziz
Aktiviti & Program Politeknik

Siti Ruhani Sidik
Website & Server

Nor Aziah Awang
Laporan Tahunan, Buletin, Akhbar

Md Hafriz Fikrie Md Hussin
Multimedia & Montaj Korporat

SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI WAR ROOM SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
MAC	21 Mac 2019	Penilaian Tender JKE di bawah RMK 11	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
APRIL	1 April 2019	Perbincangan Kertas Kerja Bengkel Pengemaskinian Data War Room 2019	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
MEI	30 Mei 2019	Audit EKSA War Room	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
JUN	19 Jun 2019	Mesyuarat AJK Pembuka Tender	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	24 Jun 2019	Mesyuarat AJK Spesifikasi Teknikal	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	26 Jun 2019	Mesyuarat AJK Penilaian Teknikal	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
JULAI	1 Julai 2019	Mesyuarat AJK Penilaian Harga Bil. 1	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	3 Julai 2019	Mesyuarat AJK Penilaian Harga Bil. 2	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	7 Julai 2019	Mesyuarat Pembukaan Tender Keselamatan PKT	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	20 Julai 2019	Lawatan Y. Bhg. Dr. Shamsuri Bin Abdullah, Pengarah Bahagian Koordinasi TVET JPPKK ke WR PKT	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
	20 Julai 2019	Temuduga Kerjaya Syarikat Shit-Etsu (M) Sdn. Bhd. sempena Program Caeer Day 3.0 PKT	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
SEPTEMBER	4 September 2019	Mesyuarat Perbincangan Aset JKE	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
OKTOBER	6 Oktober 2019	Audit Aset Alih War Room	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik
JAN - DIS	Januari - Disember 2019	Pengemaskinian Data dan Indikator secara bulanan/berkala bagi Dashboard A-E di WR	Bilik Mesyuarat War Room	Politeknik

PENGGUNAAN BILIK MESYUARAT WAR ROOM PKT 2019



GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI SEPANJANG 2019

Lawatan Pengarah Bahagian Koordinasi TVET JPPKK




Carta ORGANISASI
K.P.I
TAKWIM




CARTA ORGANISASI
WAR ROOM






CARTA ORGANISASI
WAR ROOM



POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

7 TAHUN *War Room*
"NADI POLITEKNIK"



2019

Lawatan Pengarah Bahagian Koordinasi TVET Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti ke WR pada 20 Julai 2019



2018

Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Pendidikan Politeknik ke WR pada 16 April 2018



2016

Bengkel Penyelarasan KPI & e-*Dashboard* WR 2016 serta pusat operasi JK Penerbitan Buku Program K.I.K. 2016 Politeknik Malaysia



2014

Lawatan "*Benchmarking*" ke *War Room* Politeknik Malaysia & Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP)

2013

Lawatan pihak Kolej Komuniti Kuala Terengganu dan pihak luar ke *War Room* PKT





















2012

War Room (WR) PKT mula ditubuhkan dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPP pada18 November 2012

2014

PENGAKTIFAN SEMULA *WAR ROOM* :perpindahan operasi dari ruangan di CISEC/ULPL ke bangunan baharu WR

2015

Kunjungan hormat Datuk, Hj. Mohlis bin Jaafar, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik ke WR pada 16 Jun 2015

2017

Pusat Operasi Jawatankuasa Buku Program K.I.K. Horizon Baru Politeknik Malaysia Peringkat Kebangsaan

2018

Kunjungan hormat Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik ke WR pada 1 Julai 2018



2012
2019



JABATAN & UNIT AKADEMIK

- Jabatan Kejuruteraan Elektrik
- Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Jabatan Matematik Sains & Komputer
- Jabatan Pengajian Am
- Unit Kecemerlangan Akademik
- Unit Perhubungan & Latihan Industri
- Unit Peperiksaan
- Unit Penyelidikan Inovasi & Komersilan

JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Editor : Norlia Binti Embong

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) merupakan jabatan induk yang pertama ditubuhkan di Politeknik Kuala Terengganu. Dengan rasminya ia telah ditubuhkan di bawah konsep kampus dalam kota.



OBJEKTIF

- Aplikasi amali dalam rekabentuk, pembuatan dan operasi litar elektronik, komponen elektronik, penyiaran dan sistem telekomunikasi yang beroperasi pada voltan rendah.
- Membolehkan graduan menguasai pengetahuan & kemahiran TVET, bahkan mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan dalam bidang Kejuruteraan Elektronik.

MISI

- Menghasilkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta melalui penggembelengan tenaga secara profesional dan bersepadu dengan sistem pendidikan yang sistematik dan berkualiti.
- Melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dan cemerlang sama ada dari segi teori mahupun kemahiran, selain ketrampilan dan sahsiah diri yang terbaik.

KEMUDAHAN

- Bilik Kuliah (7) A – G
- Makmal Telekomunikasi
- Makmal Kuasa
- Makmal ECAD
- Makmal Baikpulih
- Makmal Elektronik
- Makmal Rangkaian
- Makmal Teknologi Elektrik
- Bengkel Projek
- Bengkel Pendawaian

CARTA ORGANISASI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	27 Januari 2019	Lawatan Sambil Belajar Ke Stesen Janaelektrik Kenyir	TNB Kenyir	Politeknik
MAC	12 Mac 2019	Lawatan Ke Tapak Projek Menaiktaraf Infrastuktur Wireless Area Network And Terengganu Wifi	Infradata Technology Nad Sercives Sdn Bhd	Politeknik
APRIL	1-7 April 2019	Wolrdskills Malaysia Belia & Pengajar	CIAST, Shah Alam	Kebangsaan
	4-Apr-19	Bengkel Fiber Optik	TD3103, Kuala Terengganu	Politeknik
	5-7 April 2019	Pertandingan FIRA Dalaman Simorosot Jke Dan Bengkel	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	8-Apr-19	Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Disember 2018	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	9-10 April 2019	Edunovation Carnival: Transformation Toward Entrepreneurial Mindset	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	17-Apr-19	Bengkel IOT Keysight	Keysight Technology Sdn Bhd	Kebangsaan
MEI	28 April - 3 Mei 2019	FIRA 2019	Politeknik Port Dickson	Kebangsaan
JUN	24-Jun-19	Bengkel CIST JKE	TD3103, Kuala Terengganu	Politeknik
	25-27 Jun 2019	Pertandingan Inovasi Competition, Presentation, Exhibition 2019	IPG Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan	Kebangsaan
	26 Jun 2019	Bengkel Myportfolio	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JULAI	4-5 Julai 2019	Invention, Innovation Competition And Exhibition Terengganu 2019	Universiti Malaysia Terengganu	Kebangsaan
	30-31 Julai 2019	International Learning Innovation Competition 2019	Universiti Utara Malaysia	Antarabangsa
OGOS	5-7 Ogos 2019	Konvensyen KIKHB Peringkat Kebangsaan Politeknik Dan Kolej Komuniti Malaysia 2019	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah	Kebangsaan
SEPTEMBER	16-19 September 2019	Pertandingan Kemahiran Politeknik Malaysia (Polyskill 2019)	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	Kebangsaan
	23 September 2019	Kursus Fiber Bersama Getra Sdn Bhd	Getra Sdn Bhd	Politeknik
	25 September 2019	Pertandingan Projek Pelajar JKE Sesi Jun 2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OKTOBER	6 Oktober 2019	Ujian Kecekapan Telekom Malaysia	Telekom Marang	Politeknik
	8 Oktober 2019	Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Jun 2019	Dewan Utama PKT	Politeknik
	29 - 31 Oktober 2019	Cabaran Inovasi Inklusif 2019 Zon Timur	Pahang Skills Development Centre, Kuantan	Zon Timur

KIKHB
EMAS
Konvensyen KIKHB Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2019

EDNOVAC '19
EMAS
Edunovation Carnival: Transformation Toward Entrepreneurial Mindset (Kebangsaan)

ICTEX'19
EMAS
Invention, Innovation Competition And Exhibition Terengganu 2019 (Kebangsaan)

PIP'19
EMAS
Pertandingan Inovasi Pembelajaran PIP'19 (Antarabangsa)

JABATAN PENCAPAIAN PELAJAR

01
JOHAN
Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Disember 2018

02
NAIB JUARA
Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Disember 2018

03
KETIGA
Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Disember 2018

04
PENYERTAAN
Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2019

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

Lawatan Sambil Belajar ke Stesen Janaelektrik Kenyir pada 27 Januari 2019






Pelajar JKE bergambar kenangan di Stesen Janaelektrik Kenyir dan mendapatkan pengetahuan am mengenai cara kerja penjanaan elektrik dari stesen janaelektrik TNB.

Lawatan Ke Tapak Projek Menaiktaraf Infrastuktur Wireless Area Network And Terengganu WIFI pada 12 Mac 2019






Pelajar JKE bergambar di tapak lawatan bersama InfraData Technology Sdn. Bhd.

Bengkel Fiber Optik pada 4 April 2019



Peserta dalam kalangan pelajar mendapat tunjuk ajar dari Alumni PKT dan bekas pelajar JKE



Pensyarah juga tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan ilmu dari bekas pelajar mereka

Pertandingan FIRA Dalaman Simorosot Jke Dan Bengkel pada 5-7 April 2019



Para pelajar sedang menumpukan perhatian sepanjang sesi perbengkelan berlangsung



Para peserta bengkel bergambar kenangan bersama penceramah, pensyarah, Ketua Jabatan dan Timbalan Pengarah (Akademik)

Worldskills Malaysia Belia & Pengajar pada 1-7 April 2019



Pelajar JKE menyertai Worldskills Malaysia dalam bidang Elektronik di CIAST, Shah Alam

Pertandingan Inovasi Projek Pelajar Sesi Disember 2018 pada 8 April 2019



Pelajar JKE bersama produk yang dihasilkan dan bergambar kenangan bersama Pengarah PKT

Edunovation Carnival: Transformation Toward Entrepreneurial Mindset pada 9-10 April 2019





Pensyarah JKE menyertai Edunovation Carnival dan produk inovasi yang dipertandingkan memperolehi pingat Emas

Bengkel IOT Keysight pada 17 April 2019



Pensyarah-pensyarah dan Ketua Jabatan JKE bergambar kenangan bersama penceramah dan fasilitator bengkel

Pertandingan FIRA 2019 pada 28 April 2019 – 3 Mei 2019





Pensyarah-pensyarah dan pelajar JKE bersama Pengarah dalam Pertandingan FIRA 2019

Bengkel CIST JKE pada 24 Jun 2019







Setiap pensyarah menumpukan perhatian dan focus semasa bengkel berlangsung bagi menghasilkan output yang terbaik dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar

Pertandingan Inovasi Competition, Presentation, Exhibition 2019 pada 25-27 Jun 2019





Pensyarah JKE yang menyertai pertandingan inovasi bersama pelajar dan pengunjung

Bengkel MyPortfolio pada 26 Jun 2019





Peserta bengkel sedang menyiapkan MyPortfolio

Kursus Fiber Bersama Getra Sdn Bhd pada 23 September 2019





Pelajar JKE menyertai kursus berkaitan asas-asas dan kaedah pemasangan fiber optik

Pembentangan Projek Pelajar Sesi Jun 2019 pada 25 September 2019







Sesi Pembentangan Projek Pelajar JKE dan penyampaian hadiah kepada para pelajar JKE yang menunjukkan prestasi yang baik dalam penyampaian projek dan produk pelajar yang terbaik

Invention, Innovation Competition And Exhibition Terengganu 2019 pada 4-5 Julai 2019



Pensyarah JKE bergambar di booth pameran dan Berjaya memperlehi pingat Emas

POLYSKILLS di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun pada 16-19 September 2019



2 orang pelajar JKE menyertai pertandingan PolySkills di PSMZA, Dungun

Ujian Kecekapan Telekom Malaysia pada 6 Oktober 2019



Para pelajar JKE sedang mengikuti Ujian Kecekapan Telekom Malaysia

Cabaran Inovasi Inklusif Zon Timur 2019 pada 29-30 Oktober 2019



Pensyarah JKE menyertai Cabaran Inklusif yang dimulakan dengan sesi perbengkelan dan seterusnya sesi *pitching*



> “Kemahiran praktikal dan sikap positif terhadap kemahiran adalah suatu aset. Ini adalah salah satu langkah yang paling penting dalam menangani pengangguran belia semasa yang semakin meningkat.”

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Editor : Wan Noor Aishah Binti Wan Chek

FAKTA RINGKAS

Jun 2009 :
- Program Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan)

Jun 2015 :
- Program Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian)
- Batch Pertama : 29 orang

Jun 2016 :
- Menerusi Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS)
- Program Diploma Teknologi Digital (DDT)

Mula operasi : Mac 2008
Lokasi : Jalan Air Jernih, Kuala Terengganu



staf

25 akademik

2 sokongan

JTMK

pelajar

334 Sesi Dis 2018

373 Sesi Jun 2019

OBJEKTIF

- Menyediakan latihan berkualiti dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.
- Mewujudkan hubungan baik dengan pihak industri.
- Memastikan sumber tenaga kerja mencukupi, keterampilan, relevan & seimbang.
- Mengamalkan pengurusan cemerlang.
- Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN

- Bilik Kuliah (1 dan 2)
- Makmal Sistem Komputer & Digital (MSKD)
- Makmal Pembangunan Aplikasi (MPA)
- Makmal Projek (MPRO)
- Makmal Teknologi Maklumat (1, 2 & 3) Makmal Komunikasi dan Rangkaian (MKR)
- Makmal Hypermedia (MHM)

KEMUDAHAN

Internet dan WiFi
Pencetak dan Kamera Video Digital
Barcode Printer dan Scanner
Touch Screen Monitor
Peranti Rangkaian

VISI

Menyediakan pendidikan bertaraf dunia serta latihan untuk golongan sub-profesional dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

MISI

JTMK berhasrat menyediakan latihan dan pendidikan yang berkualiti sejajar dengan perubahan teknologi dan permintaan pelanggan melalui kerja berpasukan dan penambahbaikan.

CARTA ORGANISASI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	27 – 28 Januari 2019	Bengkel Massive Open Online Course(MOOC)	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
MAC	14, 20 - 21 Mac 2019	Bengkel Penyediaan Dokumen Akreditasi Bagi Program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital –DDT) Siri 1	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
MEI	26 – 29 Mei 2019	Kursus MARii Augmented Reality (AR) Workshop 2019 (Blender 3D Modelling, Unity & Vuforia AR)	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
JUN	26 Jun 2019	Bengkel Asas Pengaturcaraan Python	SMK Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu	Komuniti
	26 – 28 Jun 2019	Program Techcreavery 2019:Technology & Creative Innovation Discovery	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis	Politeknik
	27 Jun 2019	Bengkel Penyediaan Fail Kursus JTMK	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
OKTOBER	11 - 12 Oktober 2019	Bengkel Runcloud - Projek Pelajar	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
	14 - 15 Oktober 2019	Program Techcreavery 2019:Technology & Creative Innovation Discovery	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis	Politeknik

JADUAL 2: PROGRAM PENSYARAH PELAWAT INDUSTRI 2019 (DDT)

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	BIL JAM
MAC	21 Mac 2019	Bengkel Pemantapan Teknikal, Penulisan dan Penilaian Bersama Industri	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	7
APRIL	4 April 2019	Bengkel Mobile Photography	TD1303, Jalan Sultan Zainal Abidin	6
JUN	15 - 16 Jun 2019	Bengkel Online Business	JTMK, Politeknik Kuala Terengganu	14
SEPTEMBER	3-4 September 2019	Money Talk : TD Ventures Money Talk : Get Runner (Get Move) Career Talk : Streamer; Awareness Talk : PDRM Technology Talk : CISCO Technology Talk : KITAMEN Awareness Talk : MCMC Career Talk : Game Developer	TD1303, Jalan Sultan Zainal Abidin	4

Jumlah Jam Interaksi Program Pensyarah Pelawat Industri 2019 (DDT) : 31 jam

PENCAPAIAN 2019 JTMK



EDNOVAC '19

1 EMAS + 3 GANGSA

Pertandingan Inovasi EduNovation Carnival (EdNovac) Peringkat Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

KIKHB '19

1 EMAS

Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan 2019 (KIKHB'19) di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSS), Kulim, Kedah.

PIP'19

1 GANGSA

Pertandingan Inovasi Pembelajaran (PIP 2019) Peringkat Antarabangsa di Universiti Utara Malaysia.

KIKHB '19

#KELIMA

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu (KIKHB'19) Kategori Sosial.

DIGEST

#PENERBITAN DIGEST

Penulisan "Pembangunan Sistem Keselamatan Wanita" dan diterbitkan dalam Digest@JMSK Politeknik Kota Bharu, Kelantan

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

Karnival Inovasi 4IR 2019 EdNova di IPG Kampus Dato/ Razali Ismail



Pensyarah JTMK sebagai peserta telah mendapat pingat emas dalam pertandingan inovasi (EdNova10) Peringkat Kebangsaan di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

Konvensyen KIKHB'19 di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah



Sekitar pertandingan Kumpulan Inovatif & Kreatif Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan (KIKHB '19)

Kursus MARii Augmented Reality (AR) Workshop 2019 2019







Sekitar perjalanan Kursus MARii Augmented Reality (AR) Workshop 2019 menggunakan perisian Blender 3D Modelling, Unity dan Vuforia.

Para peserta telah diajar mengenai asas penghasilan augmented reality (AR) menggunakan perisian-perisian asas. Kursus ini telah berjaya menarik minat pihak luar dan sekolah-sekolah sekitar di Kuala Terengganu.

Hasil daripada kursus ini amat membanggakan apabila salah satu kumpulan perserta yang terdiri daripada guru dan pelajar dari Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu yang telah merangkul Gold Medal dalam International Science & Invention Fair bertempat di Bali Indonesia, dengan projek mereka yang diberi nama Flat Earth Smart Kit.

JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER

Editor : Norhayati Binti Ismail



Merupakan **Jabatan Sokongan** dan pelengkap program di Jabatan Induk **12** *batch tamat pengajian sehingga 2018*

JKE
Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) **DEP**
Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik **DEE**

JTMK
Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) **DDT**
Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian) **DNS**

OBJEKTIF

- JMSK merupakan satu cabang jabatan yang menitikberatkan aplikasi teori dalam aspek pengiraan kejuruteraan dan teknologi telekomunikasi yang menyokong Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Politeknik Kuala Terengganu (PKT).

  Objektif program ini selari dan menyokong visi dan misi Politeknik kerana program ini membolehkan graduan bukan sahaja menguasai pengetahuan dan kemahiran teknikal dan vokasional, bahkan berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan dalam bidang kejuruteraan untuk pembangunan negara.

MISI

- Menghasilkan tenaga kerja separa profesional dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta melalui penggembelengan tenaga secara profesional dan bersepadu dengan sistem pendidikan yang sistematik dan berkualiti. Ini bersesuaian dengan hasrat jabatan yang ingin melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap dan cemerlang sama ada dari segi teori mahupun kemahiran, selain ketrampilan dan sahsiah diri yang terbaik.

KEMUDAHAN

- Bilik Kuliah A-G (Jalan Engku Sar)
- Makmal dan Bengkel (Bangunan Induk)
- Makmal Komputer
- Makmal Sains

CARTA ORGANISASI JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI JABATAN MATEMATIK, SAINS & KOMPUTER SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
FEBRUARI	15-16 Februari 2019	Bengkel Minggu Jawi 2018 PKT	Perpustakaan PKT	Politeknik
MAC	20 Mac 2019	Latih Tubi 'MOMENTEM' Kursus Matematik	Makmal Komputer JMSK	Jabatan
APRIL	22 April 2019	Bengkel Pemantapan Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)	Makmal Komputer	Jabatan
MEI	23-24 Mei 2019	Program Sekampit Beras Sekilo Gula' Untuk Asnaf Sekitar Kuala Terengganu	Politeknik Kuala Terengganu	Jabatan
OKTOBER	02 Oktober 2019	Latih Tubi & Forum Bicara Tentang Matematik Bersama Dr. Sabri Ahmad (UMT)	Dewan PKT	Jabatan

PENCAPAIAN 2019

JMSK

KIKHB '18 — **EMAS**
Konvensyen KIKHB Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2018

KIKHB '18 — **NAIB JOHAN**
Kategori Penyampaian dan Perkhidmatan Konvensyen KIKHB 2018

KIKHB '18 — **NAIB JOHAN**
Pameran Konvensyen KIKHB Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia 2018

KAKITANGAN DI JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER



JABATAN PENGAJIAN AM

Editor : Nadiana Binti Ariffin



Jabatan Pengajian Am merupakan salah satu **jabatan sokongan** di Politeknik Kuala Terengganu,berfungsi untuk membekalkan pelajar pengetahuan tentang pengajian umum, bertempat di aras dua, bangunan **Jalan Engku Sar**, Kuala Terengganu. Jabatan ini mempunyai **13** orang staf dan pensyarah dalam bidang **Bahasa Inggeris** dan **Pendidikan Islam**. JPA bermatlamat untuk membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar yang berlandaskan ajaran Islam, melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut emosi, rohani, intelektual serta memiliki akhlak yang mulia serta meningkatkan penguasaan dan kebolehan berbahasa Inggeris agar mampu bersaing di peringkat global

OBJEKTIF

- Berhasrat melahirkan pelajar dan pemimpin yang berwibawa dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan bidang Teknologi Maklumat melalui proses berikut:
- Membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar yang berlandaskan ajaran Islam.
- Melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut emosi, rohani, intelektual serta memiliki akhlak yang mulia.
- Meningkatkan penguasaan dan kebolehan berbahasa Inggeris agar mampu bersaing di peringkat global.

VISI

JPA PKT beriltizam untuk menjadi jabatan yang cemerlang dalam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia, berdaya saing dan bertanggunggjawab.

MISI

JPA PKT komited menyediakan pendidikan dan latihan yang berkualiti bagi melahirkan graduan yang bersakhsiah luhur, berketrampilan dan berkebolehan berbahasa melalui pengurusan strategik dan tadbir urus terbaik berlandaskan jaminan kualiti berterusan.

KEMUDAHAN

• Bilik Kuliah	2 unit
• Bilik Ketua Jabatan	1 unit
• Bilik Mesyuarat	1 unit
• Bilik Pantri	1 unit
• Ruang Rehat	1 unit
• Ruang Solat	1 unit
• Tandas	4 unit

CARTA ORGANISASI JABATAN PENGAJIAN AM



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI JABATAN PENGAJIAN AM SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
FEBRUARI	20 Februari 2019	Pertandingan Tilawah Al-Quran & Hafazan 2019	Dewan Utama PKT	Politeknik
JULAI	16 – 17 Julai 2019	Kursus Pengacaraan Dan Pengucapan Awam	BPA 1	Politeknik
SEPTEMBER	5 September 2019	Bengkel Asas Feqah Siri 2	Dewan Utama PKT	Politeknik



Contoh poster / pamplet promosi bagi kursus dan bengkel yang disediakan oleh Jabatan Pengajian Am dengan kerjasama Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan PKT


Preposition












PERTANDINGAN TILAWAH
AL-QURAN & HAFAZAN 2019
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK

Editor : Wan Noor Aishah Binti Wan Chek

Unit Kecemerlangan Akademik (UKA) pada awalnya dikenali dengan Unit Kualiti dengan fungsi utamanya mengurus pelaksanaan **Sistem Pengurusan Kualiti** di PKT. Kini, UKA berperanan **merancang**, **melaksana** dan **memantau** keberkesanan pelaksanaan jaminan kualiti akademik dan program-program berkaitan pengurusan kualiti bagi **menerapkan budaya bekerja cemerlang** serta **mengamalkan penambahbaikan secara berterusan** kearah merealisasikan visi, misi dan dasar kualiti PKT. Bagi memastikan program-program yang ditawarkan mencapai standard dan kriteria yang ditetapkan dan mematuhi **Kerangka Kelayakan Malaysia**, PKT komited dalam memastikan kesemua program yang ditawarkan di politeknik disenaraikan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Melalui UKA, PKT juga telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan semula kepada **Ekosistem Kondusif Sektor Awam** (**EKSA**). Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi–agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.





CARTA ORGANISASI UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) POLITEKNIK KUALA TERENGGANU



Surat dan Sijil Penghargaan dari Pihak JPPKK

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Galeria PjH, Aras 3 - 7, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
Tel: 03-8891 9000
Faks: 03-8891 9300

Ruj. Kami : KPM.JPPKK.BGK.600-3/1/3 (51)
Tarikh : 28 Januari 2020

Seperti Senarai Edaran
YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BAGI TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Governan dan Kecemerlangan JPPKK telah menilai pencapaian KPI Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tahun 2019 berdasarkan
Politeknik dan Kolej Komuniti (Polyte
Performance System), PERSIST. Juster
diucapkan atas penglibatan pihak D
meningkatkan prestasi institusi.

3. Bersama-sama ini dikemukakan pe
2019 untuk perhatian dan makluman jua
berterusan dapat diberikan dan pencapa
KPI pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. HAJI MOHAMAD AMIN BIN HA
Timbalan Ketua Pengarah (Governan
Jabatan Pendidikan Politeknik dan K
Kementerian Pendidikan Malaysia

Surat Penghargaan dari JPPKK

KPI 2019 100%

TAHNIAH PKT!

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Sijil Penghargaan

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

kerana berjaya memperoleh tahap

CEMERLANG

(100%)

dalam pencapaian

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Institusi Bagi Tahun 2019

Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub
Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

Sijil Penghargaan dari pihak JPPKK bagi pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT KECEMERLANGAN AKADEMIK SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	13 Januari 2019	Taklimat i-FRP	Dewan Utama PKT	Politeknik
	28-29 Januari 2019	Mesyuarat Akreditasi	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	Kebangsaan
FEBRUARI	12-13 Februari 2019	Kursus Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	14 Februari 2019	Mesyuarat EKSA Bil.1/2019	Bilik Persidangan, Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	11-12 Februari 2019	Mesyuarat Akreditasi MBOT Program DDT	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti	Kebangsaan
	17-21 Februari 2019	Audit Kualiti Dalaman Bil. 1 2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MAC	11-12 Mac 2019	Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	13 Mac 2019	Mesyuarat EKSA Bil.2/2019	Bilik Persidangan, Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
APRIL	8 April 2019	Audit Dalaman EKSA Bil.1/2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	9 April 2019	Mesyuarat Penutup Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bil.1/2019	Bilik Persidangan, Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
MEI	13-14 Mei 2019	Audit Dalaman EKSA Bil.2/2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	16 Mei 2019	Mesyuarat Penutup Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bil.2/2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
	30 Mei 2019	Audit EKSA dari Agensi Luar Mesyuarat Pembukaan dan Penutup Audit EKSA dari Agensi Luar (Champion MAMPU)	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
JUN	23 Jun 2019	Mesyuarat EKSA Bil.3/2019	Bilik Persidangan, Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik
OGOS	20 Ogos 2020	Mesyuarat Pencapaian Setengah Tahun KPI JPPKK 2019 Bagi Zon Timur	JPPKK	Zon Timur
SEPTEMBER	15-24 September 2019	Audit Kualiti Dalaman Bil. 2 2019	Politeknik Kuala Terengganu	Politeknik

Audit EKSA dari Agensi Luar (Champion MAMPU)



Mesyuarat Pembukaan Audit



Audit Unit Peperiksaan di Zon Korporat

Taklimat i-FRP



Taklimat penggunaan modul i-FRP disampaikan oleh En. Azmi bin Ayup



Peserta mendengar taklimat penggunaan modul i-FRP di Dewan Utama PKT

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015



Mesyuarat Pembukaan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015



Sekitar sesi pengauditar MS ISO 9001:2015 di PKT



UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI

Editor : Wan Noor Aishah Binti Wan Chek

UPLI

Latihan industri (LI) adalah satu syarat wajib bagi pelajar dalam program-program tertentu di semua peringkat pengajian tinggi di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Bagi **meningkatkan tahap mampu kerja para graduan**, program LI diperkenalkan untuk memperkasa kompetensi yang diperlukan. Kursus LI memberi pelajar **peluang pembelajaran di dunia pekerjaan untuk menerima pengalaman praktikal** supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya.



Kursus ini memberi **pendedahan** dan **pengalaman** kepada pelajar dari segi perkembangan teknologi, komunikasi yang berkesan, amalan kerja berpasukan, polisi-polisi, prosedur dan peraturan-peraturan, perspektif professional dan pelaporan. Kursus ini akan **membina semangat** dan **sikap yang proaktif** di kalangan pelajar dan seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk menjadi pelatih yang cemerlang.

OBJEKTIF

01	02	03	04	05
Mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan di tempat kerja.	Berkomunikasi secara berkesan dengan pelbagai perigkat	Mengamalkan kerja berpasukan	Profesional dan beretika dalam mematuhi dasar-dasar, prosedur dan kaedah-kaedah di dalam organisasi.	Menerangkan tugas-tugas yang diberikan (semasa LI)mengikut format yang ditetapkan.
MENGAPLIKASI	BERKOMUNIKASI	KERJA PASUKAN	PROFESIONALISM	DOKUMENTASI

CARTA ORGANISASI UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI



PERATUS PENCAPAIAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRY SESI DISEMBER 2018



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
JANUARI	23 Januari 2019	Taklimat LI 1	Dewan Utama PKT	Unit
FEBRUARI	13 Februari 2019	Mesyuarat UPLI 1	Bilik ULPL	
	10 Februari 2019 – 30 Mac 202019	Lawatan Penyeliaan LI	Seluruh Tempat Pelajar LI (Zoning)	
MAC	27 Mac 2019	Taklimat LI 2	Bilik ULPL	Unit
APRIL	3 April 2019	Mesyuarat UPLI 2		
	26 April 2019	Pelajar Sesi Disember 2017 Tamat LI		Unit
	29 - 30 April 2019	Pendaftaran Tamat & Penilaian LI		Jabatan
MEI	15 Mei 2019	Keputusan Rasmi LI		
JULAI		**SESI JUN 2019** Latihan Industri Sesi Jun 2019 Bermula 1 Julai 2019 Hingga 15 November 2019		
	10 Julai 2019	Taklimat LI 1		Unit
OGOS - SEPTEMBER	26 Ogos 2019	Mesyuarat UPLI 1	Bilik ULPL	Unit
	26 Ogos 2019 – 28 September 2019	Lawatan Penyeliaan LI	Seluruh Tempat Pelajar LI (Zoning)	
OKTOBER	23 Oktober 2019	Taklimat LI 2	Dewan Utama PKT	Unit
	23 Oktober 2019	Mesyuarat UPLI 2	Bilik ULPL	Unit
NOVEMBER	16 November 2019	Pelajar Sesi Jun 2018 Tamat LI		
	18 November 2019	Pendaftaran Tamat LI & Pembentangan LI		Jabatan

PERATUS PELAJAR PKT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI MENGIKUT NEGERI



UNIT PEPERIKSAAN

Editor : Wan Noor Aishah Binti Wan Chek

Unit Peperiksaan merupakan sebuah **Unit Sokongan Akademik** yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan melaksanakan segala aktiviti yang berkaitan dengan **penyelarasan dan mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peperiksaan dan persijilan** serta **penilaian pelajar** berpandukan kepada garis panduan dan peraturan penilaian yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pentaksiran dan Persijilan, Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa. Unit ini juga diamanahkan untuk memastikan segala aspek berkaitan dengan **memberi panduan mengenai pembelajaran, penilaian, pengawalan dan perjalanan peperiksaan** terutamanya kepada pelajar. Selain dari fungsi utamanya **mengeluarkan keputusan penilaian** kepada pelajar hasil dari keputusan Jawatankuasa Peperiksaan Politeknik . Selain dari itu unit ini juga bertanggungjawab **mengeluarkan Sijil kepada pelajar yang telah tamat dan pelajar yang telah lulus semua peperiksaan** serta memenuhi semua kehendak kursus setelah mendapat kelulusan dari Lembaga Penganugerahan Sijil /Diploma Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia. Unit Peperiksaan diketuai oleh seorang Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh beberapa Penyelaras Peperiksaan Jabatan yang dilantik setiap dari Jabatan Akademik.

PENGENALAN



OBJEKTTIF

01
Menyiapkan kertas peperiksaan TIGA (3) hari sebelum peperiksaan akhir bermula.

02
Memproses keputusan Penilaian dalam tempoh DUA (2) minggu selepas semester pengajian berakhir.

03
Menyiapkan sijil bagi yang telah menamatkan pengajian selewat-lewatnya SATU (1) minggu sebelum majlis konvokesyen.

CARTA ORGANISASI UNIT PEPERIKSAAN



SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT PEPERIKSAAN SEPANJANG 2019

BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI
JANUARI	28 Januari 2019	Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Jun 2018
FEBRUARI	14 Februari 2019	Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Jun 2018
APRIL	13 - 27 April 2019	Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2018
MEI	13 Mei 2019	Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi Disember 2018
JUN	29 Jun 2019	Keputusan Rasmi Penilaian Khas Sesi Disember 2018
OGOS	8 Ogos 2019	Persidangan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik KPM bagi Sesi Disember 2018.
OKTOBER	19 Oktober - 9 November 2019	Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2019
NOVEMBER	30 November 2019	Keputusan Rasmi Peperiksaan Akhir Semester Sesi Jun 2018

UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSILAN

Editor : YM Tengku Azman Bin Tengku Mohd



Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK) adalah sebuah unit di bawah pengurusan akademik Politeknik Kuala Terengganu (PKT) yang bertanggungjawab **menerajui usaha pembangunan dan pemerkasaan** berkaitan tiga portfolio utamanya iaitu **penyelidikan**, **inovasi** dan **komersilan**. Ia diwujudkan bagi mencapai sasaran Teras Strategik keenam Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) iaitu **membudayakan penyelidikan gunaan dan inovasi**, melalui Objektif Strategik melestari ekosistem penyelidikan dan inovasi. UPIK bernaung di bawah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (PPI JPPKK) dengan sasaran tahunan dua petunjuk aras prestasi utama (KPI 24 dan 25) iaitu **satu produk inovasi yang diaplikasi** / solution provider dan **10 bilangan kertas penyelidikan** TVET yang diterbitkan.

VISI

- Menjadi peneraju institusi TVET dalam penyelidikan, inovasi dan komersilan.

MISI

- Meningkatkan ekosistem penyelidikan gunaan dan inovasi di PKT berkonsepkan lingkaran 4 pihak
- Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan serta penggunaan dana dan geran berkaitan di PKT.

7 OBJEKTIF UPIK

01 Membangunkan budaya penyelidikan yang kompetitif dan berinovasi dalam kalangan warga kerja dan pelajar PKT dengan memberi fokus kepada bidang tujahan dan peningkatan hasil penyelidikan secara kuantitatif dan kualitatif

02 Memberi keutamaan kepada penyelidikan gunaan dan translational dan berfokus ke arah menjadi solution provider kepada permasalahan komuniti dan industri

03 Menyelaras aktiviti-aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan (R&D&I&C) di PKT

04 Mengurus aktiviti-aktiviti R&D&I&C warga akademik PKT diperingkat Politeknik, zon, kebangsaan dan antarabangsa

05 Mengurus dan mengendalikan seminar/kolokium/konferen diperingkat Politeknik/zon/ kebangsaan

06 Mengurus dan mengendalikan aktiviti pertandingan inovasi projek pelajar tahun akhir di peringkat PKT

07 Memudahcara dan memantau penyertaan pensyarah dan pelajar PKT di dalam seminar penyelidikan dan pertandingan inovasi diperingkat Politeknik/zon/kebangsaan/ antarabangsa

SENARAI AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2019

JADUAL 1: AKTIVITI UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSILAN SEPANJANG 2019				
BULAN	TARIKH	NAMA PROGRAM / AKTIVITI	TEMPAT	PERINGKAT
FEBRUARI	7 Februari 2019	Bengkel Persediaan KIK	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
	11 Februari 2019	Bengkel Syarikat-Penyelidik PPRN (Penyediaan Proposal Syarikat)	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
	25-26 Februari 2019	Bengkel Penyelidik PPRN (Penyediaan Proposal Penyelidik)	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
MAC	15 Mac 2019	Bidding Matching Session PPRN KPT	KPM Putrajaya	Kebangsaan
	17-18 Mac 2019	Bengkel Politeknik Reseacher siri 1	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
	25-26 Mac 2019	Bengkel Penyediaan Dokumen KIK	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
APRIL	8-9 April 2019	Pertandingan Projek Pelajar sesi Disember 2018	Dewan Utama	Politeknik
	22 April 2019	Bengkel Pengisian Projek Pelajar MyMohes	Bilik Seminar UPIK	Politeknik
	29-30 April 2019	Bengkel KIK Zon Timur	Dewan Utama	Zon Timur
OGOS	5-8 Ogos 2019	Pertandingan KIK Politeknik & KK	PTSB, Kulim	Kebangsaan
SEPTEMBER	11-12 September 2019	Bengkel Politeknik Reseacher siri 2	Bilik Seminar UPIK	Politeknik

SENARAI PENERBITAN PKT TAHUN 2019

JADUAL 2 : SENARAI PEGAWAI DAN PENERBITAN YANG BERJAYA DIBENTANGKAN / DITERBITKAN				
BIL	PEGAWAI	TAJUK PENERBITAN	JURNAL / CONFERENCE	SPECIAL AWARD
1	Dr Haji Mohd Daud bin Isa	Flood Detection and Warning System Using Arduino	International Malaysian Academic Association Congress Symposium (iMAACs 2019) 25-26 September 2019, PSMZA	Best Speaker
2	Tengku Azman bi n Tengku Mohd	Modelling and Simulation of Battery Electric Vehicle with consideration of Propulsion and Auxiliary Load	International Malaysian Academic Association Congress Symposium (iMAACs 2019) 25-26 September 2019, PSMZA	Best Paper (Engineering & Technology)
3	Tengku Azman bin Tengku Mohd	The Development of Cotton-Woolly Decompression Machine with Custom-made Raking Blade operated by Electrical Motor	Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Engineering and Technology, Special Issues on PPRN 2019 Published: 14 January 2019 eISSN 0128-2883	
4	Dr Foo Jyy Wei	TVET Educational Choice of Malaysian Polytechnic Students	Jurnal Pendidikan Malaysia DOI: http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01-08 Published: May 2019	
5	Haji Azman bin Husin	Keberkesanan Pelaksanaan OBE di Kalangan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kuala Terengganu	Malaysia TVET on Research via Exposition (MaTRiX'19) 1 Ogos 2019, PMS	
6	Haji Azman bin Husin	Kajian Tindakan Analisa Litar DEE6142 Program Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi) Politeknik Kuala Terengganu(PKT)	Malaysia TVET on Research via Exposition (MaTRiX'19) 1 Ogos 2019, PMS	
7	Nik Roslini binti Nik Ibrahim	Embedded Flower Pollination Evolutionary Programming Based Technique for Voltage Stability Enhancement with Distributed Generation Installation	International Malaysian Academic Association Congress Symposium (iMAACs 2019) 25-26 September 2019, PSMZA	
8	Nor Firdaus binti Zakaria@Muhamad	NotiFire Tracker System using PIC18 and Visual Studio C#	International Malaysian Academic Association Congress Symposium (iMAACs 2019) 25-26 September 2019, PSMZA	Best Speaker
9	Abdul Halim bin Ahmad	Keberkesanan Kolaborasi Antara Politeknik Kuala Terengganu Dengan Pihak Industri	National Finance And Management Conference 2019	
10	Wan Hamidah Wan Abas	Trend Kebolehpasaran Graduan Politeknik Kuala Terengganu	Prosiding Kajian Pengesanan Graduan TVET Politeknik dan Kolej Komuniti 2019	






KEDAI EMAS ANI






RESEARCH
DOCUMENTATION






KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
HORIZON BAHARU


KONVENSYEN
KUMPULAN INOVATIF & KREATIF
HORIZON BAHARU
PERINGKAT KEBANGSAAN



JABATAN & UNIT SOKONGAN AKADEMIK

- Corporate Industrial Service & Employment Centre
- Unit Pembangunan Instruksional & Multimedia
- Unit Sistem Maklumat

CORPORATE INDUSTRIAL SERVICE AND EMPLOYMENT CENTRE

Editor : Norlia Binti Embong

PENGENALAN

Unit Corporate Industrial Service and Employment Centre (CISEC) Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah ditubuhkan secara rasmi pada pertengahan tahun 2010. CISEC ditubuhkan sebagai **pengantara dengan pihak industri**, di samping **menyelaras program pembangunan kerjaya** dan **kebolehpasaran graduan** yang bertujuan untuk membantu dan meningkatkan kebolehpasaran graduan politeknik.



VISI

